

1. Antara yang berikut, yang manakah tepat berkaitan teknologi maklumat?
- A. Mengandungi tiga komponen yang terdiri daripada komputer, komunikasi dan kepakaran. Kombinasi tiga komponen ini membuka peluang kepada individu dan organisasi untuk lebih produktif, efektif dan berjaya.
 - B. Program komputer yang merangkumi sistem perisian aplikasi
 - C. Sekumpulan data mentah yang diproses menjadi maklumat
 - D. Ia terdiri daripada komputer dan komponennya seperti perkakasan input, proses dan output.

Jawapan :

2. Manakah antara berikut menerangkan sebuah sistem komputer?
- I. Sistem komputer ditakrifkan sebagai kombinasi komponen yang direka untuk memproses data dan menyimpan fail.
 - II. Sistem komputer terdiri daripada empat komponen perkakasan utama; peranti input, peranti output, pemproses dan peranti storan.
 - III. Sistem komputer memerlukan perkakasan, perisian dan pengguna untuk berfungsi sepenuhnya.
 - IV. Sistem komputer memerlukan perkakasan dan pengguna untuk berfungsi sepenuhnya.
- A. I, II, III
 - B. I, III, IV
 - C. II, III, IV
 - D. I, II dan IV

Jawapan :

3.

- Berada dalam keadaan pegun lokasi
- Tidak mengandungi menara
- Menggunakan casing yang sama untuk menempatkan paparan dan litar pemprosesan

Apakah jenis komputer yang berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A. Komputer riba
- B. Tablet
- C. Desktop
- D. Desktop *all-in-one*

Jawapan :

4.

- Adobe Flash Player
- Java
- QuickTime Player
- Microsoft Silverlight

Apakah jenis media digital di web bagi pernyataan di atas?

- A. Grafik
- B. Plug-in
- C. Vektor
- D. Grafik

Jawapan:

5. Manakah antara pernyataan berikut benar mengenai penerangan kepentingan rangkaian komputer dan komunikasi?
- I. Pengguna di merata tempat boleh dihubungkan.
 - II. Urusan perbankan hanya boleh dilakukan di bank sahaja pada waktu tertentu sahaja.
 - III. Pengguna boleh berkomunikasi tanpa sempadan melalui Skype, WeChat, KakaoTalk, Whatsapp dan sebagainya.
 - IV. Menghubungkan dua atau lebih komputer bagi membolehkan pertukaran data dan sumber.
- A. I, II, III
B. I, II, IV
C. I, III, IV
D. II, III, IV

Jawapan :

6. Lilian sedang membangunkan suatu program multimedia. Beliau terjumpa beberapa video analog yang sangat sesuai untuk digunakan. Selesaikan masalah yang dihadapi oleh Lilian dengan menentukan perkakasan yang diperlukan untuk menukarkan video berkenaan kepada paparan digital?
- A. Kamera video
B. Monitor
C. Peranti penangkapan video
D. Pemacu cakera keras

Jawapan :

7. Rajah 1 menunjukkan peranti yang diperlukan dalam penyimpanan data



Rajah 1 : Random Access Memory

Antara berikut, yang manakah fungsi RAM?

- I. Menyimpan aturcara sistem pengendalian dan perisian sistem.
 - II. Menghapuskan aturcara perisian aplikasi yang digunakan apabila dipadamkan
 - III. Menyimpan data yang diperlukan semasa pemprosesan
 - IV. Menyediakan ruang storan tambahan jika diperlukan
-
- A. I, II, dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

Jawapan :

8. Apakah fungsi ROM jenis *Programmable ROM* (PROM)

- A. Juga dikenali sebagai ROM kilat (Flash ROM). Ingatan kilat boleh dipadam dan diaturcara secara elektronik
- B. PROM yang boleh dipadam secara elektrik (Electrically EPROM). Kandungan boleh diubah/diaturcara secara elektronik
- C. Ingatan Baca Sahaja teraturcara boleh dipadam (Erasable ROM). Kandungan boleh dipadam dengan menggunakan tatacara sinar ultraungu
- D. Ingatan Baca Sahaja boleh diaturcara (Programmable ROM)

Jawapan :

9. Jadual 1 menunjukkan jadual kod skim.

ASCII	EBCDIC
0100 0001	1100 0001
0100 0010	1100 0010
0100 0010	1111 0000
0011 0010	1111 0010
0010 0001	0101 1010
0010 0010	0111 1111

Jadual 1 : Jadual Kod Skim

Apakah hubungkait jadual kod skim ASCII dan EBCDIC?

- A. Skim pengkodan 8 bit untuk membentuk 1 bait
- B. Skim pengkodan 8 bit untuk membentuk 2 bait
- C. Skim pengkodan 6 bit untuk membentuk 2 bait
- D. Skim pengkodan 7 bit untuk membentuk 1 bait

Jawapan :

10. Antara berikut adalah bukan menjelaskan kebaikan ingatan kilat?

- A. Meluaskan pada pemancu kilat USB, kad ingatan, telefon bimbit, PDA, pemain audio digital dan kamera digital
- B. Mengekalkan maklumat yang tersimpan di dalamnya apabila bekalan kuasa dimatikan
- C. Masa bacaan pantas
- D. Kad ingatan yang tidak tahan lasak

Jawapan :

11. Antara berikut, yang manakah bukan VOIP?

- I. Voice over Internet Protocol
- II. Voice of Internet Protocol
- III. Dengan perkara yang diutarakan, pelbagai respon dari pengguna lain
- IV. Anda memerlukan komputer atau peranti mudah alih, sambungan internet jalur lebar, mikrofon, pembesar suara serta perisian

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. I dan IV
- D. II dan IV

Jawapan :

12. Sistem maklumat memerlukan data bagi membolehkan ianya diproses untuk menghasilkan maklumat. Antara berikut yang manakah dikategorikan sebagai data?

- I. Teks
- II. Nombor
- III. Imej
- IV. Bunyi

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. Semua di atas

Jawapan :

13. Windows 10 dan Mac OS ialah contoh salah satu jenis perisian. Apakah fungsi perisian itu?

- A. Program yang memberitahu komputer bagaimana memproses data menjadi maklumat
- B. Program yang lebih khusus menumpukan kepada bidang kerja tertentu
- C. Program yang menyelaras sumber komputer, menyediakan satu antara muka pengguna dan komputer, dan menjalankan aplikasi
- D. Semua di atas

Jawapan :

14.

- Disebut sebagai pelayan
- Komputer dengan pemprosesan keupayaan yang lebih hebat daripada komputer peribadi
- Banyak digunakan untuk menyokong atau melayani pengguna akhir untuk keperluan khusus seperti mengambil data dari pangkalan data atau menyediakan akses ke perisian aplikasi.

Apakah jenis komputer bagi pernyataan di atas?

- A. Komputer kerangka utama
- B. Komputer *midrange*
- C. Komputer peribadi
- D. Tablet

Jawapan :

15. Antara berikut yang manakah contoh dokumen yang dibuat oleh program pemproses kata?

- I. Laporan kewangan
- II. Kertas kerja
- III. Buletin
- IV. Surat

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

Jawapan :